

LEMBAGA TABUNG HAJI

RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-32 MUSIM HAJI 1437H

**29 Safar – 2 Rabiul Awwal 1437H bersamaan
11 hingga 14 Disember 2015**

Tempat : TH Hotel & Residence Kota Kinabalu, Sabah

KERTAS KERJA PERTAMA

TAJUK : PANDANGAN FUQAHĀ' TENTANG WUDUK DAIMUL HADATH

1. *Daimul hadath* ialah seseorang yang sentiasa berhadath dan hadathnya tidak terputus dalam waktu solat sekadar dalam masa yang membolehkan dia bersuci dan bersolat.
2. Jemaah haji yang *daimul hadath* hendaklah memperbaharui wuduk dan bersuci pada setiap kali solat fardhu atau tawaf fardhu menurut pandangan *al-asah*. Namun begitu, menurut pandangan *muqabil al-asah* dalam Mazhab al-Syafi'iyyah tidak perlu bersuci sekiranya najis yang keluar tidak meleleh melampaui alat penahan seperti tuala wanita atau seumpamanya, malah memadai dengan memperbaharui wuduk sahaja. Jemaah haji dinasihatkan menerima pakai pandangan *muqabil al-asah* demi mengelakkan *masyaqqa*.
3. Kadar '*uruf* masa *muwalat* antara wuduk dan pelaksanaan ibadat bagi jemaah yang berwuduk menggunakan kaedah *daimul hadath* adalah bermula dari selepas jemaah mengambil wuduk di bangunan penginapan sehingga sampai di dataran masjid kurang dari 15 minit perjalanan.

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK : ADAB IKHTILAF FUQAHĀ' DALAM KONTEKS FIQH

1. Ikhtilaf dalam kalangan umat Islam sememangnya suatu yang tidak dapat dielakkan kerana manusia itu sendiri berbeza dari banyak aspek. Perkara-perkara yang menjadi ikhtilaf dalam kalangan umat Islam di Malaysia pada hakikatnya adalah perkara-perkara furū' agama dan lebih bersifat *zanni* yang terbuka kepada pelbagai penilaian dan interpretasi masing-masing. Selagimana penafsiran itu tidak terkeluar dari manhaj dan prinsip-prinsip agama, ia boleh diterimapakai walaupun terdapat perbezaan dari segi hukum dan amalan. Dalam konteks ini, sekiranya pihak yang berselisih pendapat dapat berpegang kepada adab-adab berikhtilaf yang betul sebagaimana yang diperlakukan oleh fuqaha' salaf al-salih, maka ikhtilaf itu akan memberikan impak yang positif kepada ummah.

2. Antara prinsip asas yang perlu diberi perhatian untuk menangani konflik dalam konteks ikhtilaf ialah:-
 - i. Bersatu di atas perkara-perkara yang dipersetujui bersama dan bertolak-ansur dalam perkara-perkara yang tidak disepakati. Ikhtilaf tidak seharusnya menjadi punca perpecahan dan mencetuskan permusuhan dan saling benci-membenci.
 - ii. Menerima dengan lapang dada dan tanpa ragu-ragu keputusan secara syura selagimana perkara tersebut tiada nas qat'e mengenainya.
 - iii. Keputusan yang diputuskan oleh pihak bertanggungjawab adalah pemutus kepada konflik perbezaan pandangan dan keputusan tersebut wajib dipatuhi walaupun bertentangan dengan mazhab yang masyhur atau pendapat yang terkuat dalam mazhab anutannya.
3. Para PEKTA dan PIHTAS hendaklah merujuk kepada keputusan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan atau kepada pakar rujuk ibadat haji sekiranya ada masalah yang berkaitan dengan ibadat haji dan umrah.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : PERMASALAHAN JEMAAH HAJI MUSIM HAJI 1436H

1. Pahala seratus ribu kali ganda tidak terhad kepada Masjidil Haram sahaja malah ia meliputi keseluruhan Tanah Haram Makkah. Pahala berganda ini meliputi semua jenis ketaatan dan tidak terhad kepada ibadat solat sahaja.
2. Jemaah haji yang sakit atau dalam keadaan haid dibolehkan berniat ihram umrah bersyarat. Apabila berlaku apa yang disyaratkan jemaah tersebut bebas daripada larangan ihram.
3. Jemaah haji dan umrah yang mengalami kecacatan kaki sehingga menghalangnya memakai selipar atau sandal dibolehkan memakai kasut yang tertutup di hadapannya, dengan syarat kasut tersebut menampakkan tumitnya. Dia tidak berdosa dan tidak dikenakan dam.
4. Harus melakukan tawaf menggunakan *mini-segway* ataupun *overboard* kerana terdapat hadith yang menyatakan Rasulullah SAW melakukan Tawaf Wada' dalam keadaan menunggang unta.

5. Jemaah yang memakai beg kolostomi kerana sakit dikategorikan sebagai orang yang mengalami masalah *dharurat* dan tidak dianggap sebagai menanggung najis. Wuduk yang diambil oleh pesakit harus digunakan untuk melaksanakan semua ibadat termasuk menunaikan solat fardhu sehingga wuduk tersebut terbatal dengan sebab-sebab yang membatalkan wuduk.
6. Pesakit lelaki yang berada dalam ihram harus menggunakan *catheter condom urine* yang disarungkan pada alat kemaluannya. Dia tidak berdosa tetapi dikenakan dam sekali dalam tempoh satu ihram.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : FIQH IBADAT WARGA EMAS SEMASA DI TANAH SUCI

1. Warga emas yang **telah memenuhi syarat-syarat wajib haji pada usia mudanya**, namun gagal menunaikan fardhu haji sehinggalah dia mulai lemah dan tidak berupaya menunaikannya sendiri (*al-ma'dhub*), kefardhuan hajinya tetap tidak gugur daripada *zimmahnya*. Beliau wajib menunaikannya secara gantian (badal) dengan izinnya sama ada oleh ahli keluarganya atau oleh pihak lain dengan upah atau suka rela.
2. Warga emas yang **tidak memenuhi syarat-syarat wajib haji pada usia mudanya**, tetapi berkeupayaan dari segi harta pada usia emas, namun lemah dan tidak berupaya sama ada kerana tua atau sakit, wajib menunaikannya secara gantian (badal) dengan izinnya sama ada oleh ahli keluarganya atau oleh pihak lain dengan upah atau sukarela.
3. Jemaah haji yang telah sempurna haji badalnya dan telah sihat kembali serta ada *istito'ah*, maka wajiblah ke atasnya menunaikan ibadat haji dengan sendiri.
4. Trend penuaan penduduk di Malaysia menuntut perancangan dan persediaan jangka panjang dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada jemaah haji dan umrah yang tergolong dalam warga emas. Ia selaras dengan kehendak syarak yang menuntut kita mengasihi dan menyantuni warga emas. Justeru, perkara ini perlu diambil perhatian dalam menggubal polisi berkaitan warga emas.

KERTAS KERJA KELIMA

TAJUK : KEMABRURAN HAJI SEPANJANG HAYAT

1. Bagi memperolehi haji yang mabrur sepanjang hayat, setiap jemaah haji perlu menyediakan sebuah pelan tindakan yang positif dengan cara yang profesional.
2. Para PEKTA dan PIHTAS perlu memberi penerangan dan pencerahan yang sejelas-jelasnya berkaitan dengan slogan "Hadirku Sebagai *Dhuyufurrahman* dan Kembaliku Bersama Kemabruran".
3. Menyantuni sesama jemaah haji adalah sesuatu perkara yang murni dan digalakkan oleh agama bagi melahirkan jemaah haji yang berukhuwwah lebih-lebih lagi terhadap warga emas dan jemaah yang kelainan upaya.
4. Menyantuni sesama insan (*hablun min al-nas*) hendaklah dijadikan sebagai satu budaya hidup sepanjang hayat.